

14/05/1997

301 ditahan sejak 7 tahun

SERAMAI 301 pemberi rasuah ditahan dan didenda mengikut Akta Pencegah Rasuah sejak tujuh tahun lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, hukuman mereka yang memberi rasuah sama berat dengan penerima rasuah dengan pesalah boleh didenda tidak lebih daripada RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-dua sekali.

"Pada masa ini, kerajaan juga sedang mengkaji semula undang-undang rasuah yang meliputi pelbagai perkara berkaitan hukuman yang dikenakan ke atas mereka terbabit dalam melakukan kesalahan rasuah," katanya menjawab soalan Senator Datuk Rahim Baba pada sidang Dewan Negara semalam.

(END)